

30/09/1998

Kebenaran akan sedarkan penyokong Anwar

KOTA BHARU, Selasa - Pengikut gerakan reformasi bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan kembali ke perjuangan asal untuk menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam tempoh terdekat ini.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata beliau yakin pengaruh bekas Timbalan Presiden parti itu akan susut apabila kebenaran dapat dibuktikan.

"Memang semua orang terkejut besar dengan isu Anwar dan kita dapati ramai yang `demam terkejut' apabila ia mula-mula terbongkar, termasuk di kalangan ahli dan pemimpin Umno sendiri.

"Mengikut teori orang Melayu, `demam terkejut' ini biasanya 100 hari saja dan mereka akan kembali ke landasan asal selepas itu," katanya selepas sesi penerangan kepada kakitangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di Lundang dekat sini, hari ini.

Hadir sama Pengerusi Kada yang juga ahli MT, Tan Sri Hussein Ahmad; Pengurus Besar Kada, Hassan Haron dan kira-kira 1,300 kakitangan agensi berkenaan.

Zainal Abidin yang juga Ketua Penerangan Umno Kelantan berkata, bilangan ahli parti yang menyokong Anwar di negeri ini disifatkan sebagai terlalu kecil dengan Pasir Puteh dan Tumpat sebagai kubunya.

Bagaimanapun, katanya, sokongan itu dianggap cenderung berbentuk peribadi terhadap Anwar dan tidak mencerminkan pendirian Umno bahagian itu secara keseluruhannya.

(END)